



Hampir 800,000 penduduk Terengganu berjaya dibanci

KUALA NERUS, 28 April -- Seramai 770,000 atau 61 peratus daripada anggaran 1.26 juta penduduk seluruh Terengganu telah berjaya dibanci, kata Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Beliau yang merangkap Pesuruhjaya Banci 2020 berkata 60 peratus daripada jumlah yang telah dibanci itu merupakan penduduk di kawasan bandar manakala selebihnya penduduk luar bandar.

“Bagi respons mengikut etnik pula, etnik Cina dan India di Terengganu mencatatkan peratusan yang rendah iaitu masing-masing 30 dan 40 peratus, berbanding penduduk Bumiputera iaitu seramai 80 peratus.

“Jadi kami harapkan dengan program publisiti yang dijalankan akan membantu hebahan dalam kalangan kedua-dua etnik Cina dan India untuk memberi respons kepada pihak kami sama ada menerusi kaedah bersemuka atau secara dalam talian,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika memantau operasi Banci Malaysia 2020 secara bersemuka di Dewan Kampung Baru Seberang Takir, di sini hari ini.

Dalam pada itu katanya sehingga semalam, seramai 17 juta atau 52 peratus daripada anggaran 32.7 peratus penduduk di negara ini telah dibanci.

Mohd Uzir berkata tujuh negeri mencatatkan kadar respons melebihi 60 peratus iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya sebanyak 101 peratus; Johor (74 peratus); Perlis (73 peratus); Kelantan (71 peratus); masing-masing Melaka dan Perak (66 peratus) dan Terengganu (61 peratus).

“Prestasi negeri lain pula ialah Negeri Sembilan (58 peratus); Pulau Pinang (56 peratus); Selangor 51 peratus); Kedah (48 peratus); Wilayah Persekutuan Labuan (41 peratus); masing-masing Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (40 peratus); Sarawak (38 peratus) dan Sabah (30 peratus),” katanya.

Katanya pihaknya yakin dapat menyelesaikan bancian ke atas 100 peratus penduduk di Malaysia menjelang tarikh akhir 30 Jun ini, memandangkan setakat ini secara umumnya rakyat Malaysia memberi kerjasama yang baik untuk melengkapkan Banci Malaysia 2020.